

1 Ogos, 1981 Negara Malaysia

Abdullah Ahmad boleh memohon masuki UMNO

KUALA LUMPUR, Jumaat.— Bekas Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Encik Abdullah Ahmad, boleh memasuki semula UMNO jika jawatankuasa tertinggi disiplin parti tidak menghalangnya, kata Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustapha Jabar.

Sejak Encik Abdullah disingkir dari parti dalam tahun 1976 kerana penglibatannya dalam Front Bersatu Komunis, beliau mesti memohon kepada Majlis Tertinggi UMNO untuk menyertainya semula, seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan parti.

Jawatankuasa Disiplin, terdiri dari ahli-ahli kanan Majlis Tertinggi, akan menimbang permohonan tersebut.

"Setiap kes akan

ditimbang sewajarnya," kata Datuk Mustapha.

"Jika jawatankuasa disiplin bersetuju, tidak ada masalah bagi beliau (Encik Abdullah) untuk kembali ke dalam parti. Tetapi, beliau mesti terlebih dulu memohon kepada Majlis Tertinggi," tambah beliau.

Disiplin

Secara kebetulan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diterima semula menjadi ahli UMNO dalam bulan Mac, 1972 berdasarkan cadangan jawatankuasa disiplin.

Mesyuarat Jawatankuasa itu diadakan berikutan arahan Majlis Tertinggi terdahulu dari itu menerima permohonan Datuk Seri Dr. Mahathir untuk kembali menjadi ahli parti.